

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : PERTANYAAN - PERTANYAAN  
LISAN**

**DARIPADA : DATUK ROZMAN BIN ISLI [ LABUAN ]**

**TARIKH : 7 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)**

**SOALAN NO. 28**

**DATUK ROZMAN BIN ISLI [ LABUAN ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah penggantian baharu bagi masjid/surau yang telah uzur di Labuan seperti Masjid Adam Kampung Lajau, Masjid Kampung Bebuloh, Masjid Pangkalan Tentera Udara, Membedai, Surau Kampung Batu Arang, Masjid Kampung Ranche-Ranche, Masjid Kampung Bukit Kalam, Masjid Kampung Sungai Lada, Surau Kampung Bukit Kuda, Surau Kampung Nagalang, Surau Kampung Kilan dan pembesaran Masjid Nurul Islam, Bandar Labuan.

**JAWAPAN: (YB. PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH,  
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA  
MENTERI)**

Tuan Yang Dipertua, Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

(i) Berkenaan isu pembinaan masjid dan surau bagi **Masjid Ar-Rahman, Kampung Sungai Lada** dan **Surau Nurul Islam, Pusat Bandar**, projek-

projek ini belum lagi dilaksanakan. Mesyuarat penyelarasan JAWI-MAIWP pada Jun 2018 memutuskan agar semua projek baru yang belum ada komitmen ditangguhkan. JAWI dan MAIWP akan mengenalpasti semula serta mencari jalan penyelesaian terhadap status projek-projek yang ditangguhkan ini.

(ii) Sebutharga bagi kerja-kerja pembaikan dan naiktaraf **Surau Ar-Raudhah, Kampung Bukit Kuda** telah dilaksanakan pada 23 Oktober 2017 dengan anggaran kos sebanyak RM185,987.00. Manakala, sebutharga bagi kerja-kerja baikpulih dan selenggara bumbung, tandas tambahan serta kerja-kerja berkaitan bagi **Masjid Ranche-Ranche Darat, Kampung Ranche-Ranche** telah dilaksanakan pada 29 Mei 2015 dengan anggaran kos sebanyak RM268,900.00.

(iii) Kerja-kerja membaikpulih dan penyelenggaraan bagi **Surau Al-Irshad, Kampung Kilan Pulau Akar** dan **Surau Kerupang/Nagalang Kampung Nagalang** akan dimasukkan dalam perancangan Sebutharga Kerja JAWI bagi tahun 2020.

(iv) Tiada permohonan rasmi dikemukakan bagi cadangan pembinaan baharu bagi **Masjid Al-Falah, Kampung Bukit Kalam; Masjid Bebuloh Darat, Kampung Bebuloh; dan Masjid Jamek Adam, Kampung Lajau**. Jabatan ini telah membuat lawatan tapak pada awal Oktober 2019 untuk melihat keadaan premis dan akan menilai semula keperluan bagi pembinaan baharu bagi premis-premis tersebut sebelum diangkat untuk kelulusan.

(v) Cadangan pembinaan baharu bagi **Surau Nurhidayah, Kampung Batu Arang** akan dikemukakan dalam permohonan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) setelah mendapat persetujuan daripada pihak-pihak yang berkaitan.

(vi) Bagi **Masjid Pengkalan Tentera Udara, Membedai**, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) telah menyerahkan surat permohonan penyerahan semula tanah kepada PTG Labuan bagi tujuan pembinaan Kompleks Islam TUDM. Sekian, terima kasih.